

Bush lebih rasional tidak persoal'

UM 9 OCT 2001
KUALA LUMPUR 8 OKT. — Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush kini bersikap lebih rasional dan tidak menimbulkan soal sikap Malaysia yang enggan menyokong tindakan negara itu menyerang Afghanistan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

“Saya telah bercakap dengan Bush semasa dia panggil saya menerusi telefon dan pada masa itu saya dapati dia agak rasional.

“Dia tak tanya saya bahawa jika saya tak

sokong AS maka saya menyebelahi pengganas... dia tak tanya langsung... dia tak sebut langsung perkara itu,” kata Perdana Menteri ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang)** di Dewan Rakyat.

Sebaliknya, kata Dr. Mahathir, Bush hanya menyatakan setiap negara perlu bertindak dan melawan pengganas di negara masing-masing dengan cara sendiri.

“Sebaliknya... apa yang beliau sebut ialah kita

kan sikap Malaysia — Mahathir

perlu bertindak melawan pengganas dengan cara masing-masing,” kata beliau.

Perdana Menteri ditanya mengenai sikap Malaysia terhadap kenyataan Bush yang dilaporkan berkata bahawa mana-mana pihak yang tidak menyebelahi AS menyerang Afganistan bermakna menyebelahi pengganas.

“Kerajaan tidak boleh menerima dakwaan jika Malaysia tidak menyokong AS, maka kita menyebelahi pengganas.

“Kita menentang pengganas tetapi tak semestinya kita mesti menjadi rakan AS untuk menentang pengganas atau tindakannya.

“Tetapi kita kena ingat semasa kenyataan itu dibuat beliau (Bush) dalam keadaan panas dan dia bercakap dengan emosional,” katanya.

Dr. Mahathir menambah Malaysia menentang keganasan dan tidak menyebelahi pengganas tetapi ini tidak semestinya bermakna Malaysia menjadi rakan dalam tindakan AS terhadap Afghanistan.